

Artikel

Hubungan Amalan Pembangunan Profesionalisme Berterusan Guru dengan Kualiti PdPc Guru di Sarawak

(The Relationship between Teachers' Continuous Professional Development Practices and the Quality of Learning and Facilitation in Sarawak)

Josephine Ambon¹, Bity Salwana Alias^{2*} & Azlin Norhaini Mansor³

¹Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

²Pusat Kepimpinan dan Polisi Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

³Pusat Pembentukan Pendidikan Lanjutan dan Profesional Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

*Pengarang Koresponden: bity@ukm.edu.my

Diserah: 6 Ogos 2024

Diterima: 26 September 2024

Abstrak: Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengambil pelbagai inisiatif untuk meningkatkan kualiti pengajaran guru, namun masih terdapat guru yang tidak menekankan kualiti dalam pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc). Kajian ini bertujuan untuk melihat hubungan antara amalan pembangunan profesionalisme berterusan guru (PPBG) dengan kualiti pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) guru sekolah rendah di Sarawak. Amalan PPBG mempunyai lima dimensi iaitu tahap profesional, percubaan, refleksi dan maklum balas, kolaborasi rakan dan kolaborasi sekolah, manakala kualiti PdPc guru mempunyai tiga dimensi; perancangan PdPc, pelaksanaan PdPc dan pentaksiran PdPc, di mana setiap dimensi mempunyai peranannya tersendiri. Seramai 113 orang guru terlibat sebagai responden. Data dianalisis menggunakan *Statistical Package for the Social Sciences 29* (SPSS) bagi melihat tahap dan hubungan kedua-dua pemboleh ubah. Dapatan menunjukkan bahawa tahap amalan PBBG adalah pada tahap tinggi manakala kualiti PdPc guru pula adalah pada tahap sangat tinggi. Keputusan juga menunjukkan terdapat hubungan antara amalan PPB guru dengan kualiti PdPc guru. Dari segi implikasinya, kajian ini menunjukkan kepentingan penekanan terhadap amalan PPBG dalam meningkatkan kualiti PdPc guru di sekolah rendah. Dapatan kajian ini boleh digunakan oleh pihak berkepentingan dalam pendidikan untuk merancang dan melaksanakan program pembangunan profesional yang lebih berkesan bagi meningkatkan kualiti pengajaran guru.

Kata kunci: Pembangunan profesionalisme berterusan; Pembelajaran dan pemudahcaraan; Kualiti pengajaran guru; Guru; CPD; PdPc

Abstract: The Ministry of Education Malaysia has taken various initiatives to improve the quality of teacher instruction, yet there are still teachers who do not emphasize quality in learning and facilitation (LF). This study aims to examine the relationship between teachers' continuous professional development (CPD) practices and the quality of LF among primary school teachers in Sarawak. Teachers' CPD practices have five dimensions: professional level, experimentation, reflection and feedback, peer collaboration, and school collaboration, while the quality of teachers' LF has three dimensions: PdPc planning, PdPc implementation, and PdPc assessment, each dimension having its own role. A total of 113 teachers participated as respondents. Data were analyzed using *Statistical Package for the Social Sciences 29* (SPSS) to examine the level and

relationship of both variables. The findings show that the level of teachers' CPD practices is high, while the quality of teachers' PdPc is very high. The results also indicate that there is a relationship between teachers' CPD practices and the quality of their PdPc. In terms of its implications, this study demonstrates the importance of emphasizing CPD practices in improving the quality of LF among primary school teachers. The findings of this study can be utilized by education stakeholders to plan and implement more effective professional development programs to enhance the quality of teacher instruction.

Keywords: Continuous professional development; learning and facilitation; teaching quality; teachers; CPD; PdPc

Pengenalan

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 (KPM, 2013) bertujuan untuk mengubah sistem pendidikan negara menjadi berkualiti dan mampan menjelang tahun 2025. Ia menekankan pembangunan profesionalisme berterusan guru, yang merupakan asas kepada semua dasar. Amalan dalam Pembangunan Profesional Berterusan Guru (PPBG) (BPG, 2016) adalah penting untuk meningkatkan kualiti dan inovasi pendidikan kerana persediaan pengajaran guru secara tradisional tidak mencukupi untuk pengurusan bilik darjah yang moden. Paradigma pendidikan guru telah berkembang melalui pendekatan kreatif dan inovatif, mengiktiraf bahawa latihan pertama guru hanyalah permulaan proses pembelajaran sepanjang hayat.

Walau bagaimanapun, penyelidikan di Malaysia mengenai keperluan latihan dalam perkhidmatan atau PPBG adalah terhad. Cabaran globalisasi dan keperluan untuk organisasi pembelajaran yang fleksibel telah mendorong pemimpin dan pentadbir sekolah untuk menambah baik amalan dalam PPBG (Mohd Fadzil & Mohd Izham, 2019). PPPM (2013-2025) mengutamakan peningkatan kualiti pengajaran, tetapi kajian semula yang terperinci mengenai masalah dan kemajuan guru pelatih masih tidak mencukupi (Mohd Tahir et al., 2023).

Penglibatan guru dalam program PPBG adalah penting untuk meningkatkan kecekapan profesional, pembangunan kerjaya, dan mengekalkan kualiti dalam dunia pendidikan yang dinamik (Jamilah, 2022). Namun, kekurangan kesepaduan dalam aktiviti PPBG boleh mengakibatkan peluang untuk pertumbuhan guru yang berterusan dan penambahbaikan amalan bilik darjah terlepas (Tyagi & Misra, 2021). Pelaksanaan program PPBG sering menghadapi kesukaran, termasuk latihan staf, pembangunan sekolah, dan pembangunan profesionalisme individu. Dalam konteks sekolah rendah, PPBG memainkan peranan penting dalam membentuk kecekapan emosi dan sosial, literasi, numerasi, dan pemikiran kritis (Munir et al., 2021).

Guru memainkan peranan penting dalam mentransformasi sistem pendidikan dan mencapai aspirasi negara dalam PPPM (Alias et al., 2020). PPPM (2013-2025) menekankan kepentingan guru profesional yang berkemahiran dan peningkatan kualiti pedagogi guru dalam pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) untuk melahirkan modal insan yang cemerlang. Guru berkualiti dalam PdPc mempunyai kekuatan pengetahuan profesional seperti pengetahuan kandungan, pengetahuan pedagogi, dan pengetahuan kandungan pedagogi, yang memberi kesan signifikan terhadap hasil pembelajaran pelajar (Baumert et al., 2010).

Dalam era globalisasi ini, transformasi pendidikan perlu mengutamakan kualiti PdPc guru kerana kualiti ini mengutamakan kejayaan akademik dan meningkatkan prestasi bilik darjah. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) perlu merancang dasar dan strategi yang selaras dengan keperluan sistem pendidikan semasa untuk mengukuhkan kualiti pengajaran guru dalam PdPc. Walau bagaimanapun, masih terdapat guru yang tidak menekankan kualiti dalam pengajaran mereka (Pribudhiana et al., 2021). Guru berkualiti tinggi dalam PdPc adalah guru yang mengamalkan kepimpinan guru, menunjukkan pengetahuan, kemahiran, dan tingkah laku yang sesuai. Guru perlu mencapai tahap kualiti pengajaran yang dikehendaki untuk memastikan hasil pembelajaran maksimum bagi pelajar (Normiati & Abdul Said, 2019).

Amalan dalam PPBG mempunyai hubungan langsung dengan kualiti PdPc. Kepentingan PPBG telah mendapat perhatian yang besar apabila sistem pendidikan di seluruh dunia berhadapan dengan perubahan pesat dan jangkaan yang semakin meningkat (Darling-Hammond et al., 2017). Istilah PPBG menggambarkan proses berterusan yang dilalui oleh guru-guru untuk membangunkan amalan, pengetahuan, dan kemahiran

mereka sepanjang kerjaya dengan matlamat akhir untuk meningkatkan hasil pembelajaran pelajar. Memandangkan ia memberi kesan langsung kepada keberkesanan sistem pendidikan, hubungan antara amalan PPBG dan kualiti PdPc merupakan bidang kajian yang penting dalam penyelidikan dan pembentukan dasar pendidikan.

Selain itu, beberapa kajian lain juga telah menunjukkan bahawa kualiti pengajaran yang lebih baik dan amalan PPBG yang berkesan mempunyai korelasi positif. Desimone (2009) mengenal pasti lima komponen penting dalam pembangunan profesionalisme berkualiti yang menghasilkan peningkatan pengetahuan dan kemahiran guru serta perubahan dalam sikap dan kepercayaan mereka: pembelajaran aktif, fokus topik, kesepaduan, tempoh, dan penyertaan berkumpulan. Telah terbukti bahawa penambahan elemen-elemen ini dalam program PPBG dapat meningkatkan strategi pengajaran guru dengan ketara dan, hasilnya, meningkatkan pencapaian akademik pelajar. Avalos (2011) juga menekankan cabaran dalam amalan PPBG merangkumi aspek kognitif dan afektif pengajaran, dan pendekatan yang menyeluruh terhadap pembangunan profesionalisme lebih berkemungkinan menghasilkan peningkatan yang ketara dalam kualiti PdPc.

Dalam konteks perubahan kurikulum dan reformasi pendidikan, hubungan antara amalan PPBG dan kualiti pengajaran adalah sangat penting. Kennedy (2016) menyatakan bahawa PPBG yang berkesan boleh menyokong guru-guru dalam melaksanakan kaedah pengajaran yang inovatif dan menyesuaikan diri dengan perubahan paradigma pedagogi. Sebagai contoh, PPPM (2013-2025) menekankan kepentingan PPBG dalam mencapai matlamat reformasi pendidikan negara yang bercita-cita tinggi. Guru-guru yang mengambil bahagian dalam pembangunan profesionalisme berterusan dapat meningkatkan teknik pengurusan bilik darjah mereka, memperluaskan pemahaman mereka tentang topik pedagogi, dan membentuk pelan penilaian yang lebih kukuh, yang kesemuanya menyumbang kepada penyediaan pengajaran dan peluang pembelajaran yang lebih baik untuk pelajar. Oleh itu, kajian ini dilaksanakan bagi menjawab objektif dan hipotesis kajian seperti berikut:

- i. Mengetahui tahap amalan pembangunan profesionalisme berterusan guru di sekolah rendah di Sarawak.
- ii. Mengetahui tahap kualiti pembelajaran dan pemudahcaraan guru sekolah rendah di Sarawak.
- iii. Mengetahui hubungan antara amalan pembangunan profesionalisme berterusan guru dengan tahap kualiti pembelajaran dan pemudahcaraan guru di sekolah rendah di Sarawak.

Hipotesis Kajian:

- i. Ha1: Terdapat hubungan yang signifikan antara amalan pembangunan profesionalisme berterusan guru dengan tahap kualiti pembelajaran dan pemudahcaraan guru.

Sorotan Literatur

1. Amalan Pembangunan Profesionalisme Berterusan Guru

Era pendidikan masa kini merupakan zaman perubahan bagi kebanyakan sistem pendidikan di seluruh dunia, dan alaf baharu telah membuka peluang untuk pembaharuan pendidikan yang serius. Salah satu elemen utama dalam kebanyakan pembaharuan ini ialah PPBG (Mokhele, 2015). Guru sentiasa diharapkan untuk meningkatkan kecekapan dan profesionalisme mereka melalui pembelajaran sepanjang hayat kerana mereka adalah kunci untuk mencapai kecemerlangan pendidikan (Anggraeni & Rachmajanti, 2021). Guru dituntut untuk sentiasa meningkatkan profesionalisme mereka melalui aktiviti pembelajaran yang mengutamakan pengetahuan, sikap, dan amalan mereka (Easton, 2008). Proses di mana guru berusaha untuk meningkatkan kredibiliti dan kecekapan profesional individu dalam lingkungan pekerjaan mereka dikenali sebagai pembangunan profesionalisme berterusan. Matlamat amalan ini adalah untuk memperoleh kemahiran, sikap, perspektif, dan pengetahuan yang diperlukan untuk berjaya sebagai seorang profesional.

Perkembangan PPBG di Malaysia masih dihalangi pelbagai cabaran. Masih terdapat batasan dan kesukaran dalam meningkatkan amalan PPBG di sekolah, menurut kajian oleh Saiful Adli et al. (2021) yang meneliti isu-isu ini di sekolah berprestasi tinggi di Selangor. Faktor seperti beban tugas, tahap pengetahuan guru, sikap dan motivasi, kesesuaian latihan, dan komponen kewangan adalah lima tema yang dikenal pasti

dalam kajian kualitatif ini sebagai cabaran kepada pelaksanaan Komuniti Pembelajaran Profesional (KPP). Oleh yang demikian, jelas daripada dapatan ini bahawa faktor-faktor yang sama juga memberi kesan kepada pelaksanaan aktiviti PPBG oleh guru-guru. Guru seharusnya dapat berkembang secara profesional melalui PPBG, namun terdapat keadaan di mana cabaran dan kekangan yang dihadapi adalah di luar kawalan. Oleh itu, KPM perlu merancang atau menambah baik sistem sedia ada supaya amalan guru dalam melaksanakan PPBG tidak mudah luntur.

Mahmud et al. (2018) dalam kajiannya menekankan bahawa terdapat lebih banyak cabaran dalam mengaplikasikan PPBG dalam pendidikan guru sains di Malaysia. Kebimbangan telah disuarakan mengenai kualiti guru memandangkan prestasi pelajar yang begitu rendah dalam ujian antarabangsa. Disebabkan landskap pendidikan Malaysia yang sentiasa berubah, termasuk inisiatif baharu seperti Program Dwibahasa *Dual Language Program* (DLP) dan perubahan perundangan, persediaan guru yang berterusan adalah perlu bagi memastikan guru-guru dilengkapi sepenuhnya dalam menangani perubahan-perubahan ini. Pemikiran komputasional kini telah diserap ke dalam kurikulum baharu, menambahkan satu lagi lapisan pembangunan profesional yang diperlukan. Bagi menangani isu-isu ini, latihan keguruan perlu membangunkan pelan tindakan strategik yang akan meningkatkan pembelajaran STEM, meningkatkan penguasaan Bahasa Inggeris pelajar DLP serta memastikan guru-guru dapat menggabungkan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) dan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dengan berkesan di dalam bilik darjah (Rodriguez, 2021; Syafril et al., 2021).

Kajian terdahulu menunjukkan bahawa penglibatan guru dalam aktiviti PPBG adalah pada tahap yang tinggi, walaupun terdapat beberapa kajian yang menekankan batasan dan dapatan yang bercanggah dengan amalan tersebut. Sebaliknya, kajian oleh Rosnah et al. (2013) mendapati guru sekolah berprestasi tinggi yang kerap mengamalkan aktiviti pembangunan profesional menunjukkan hasil yang positif untuk kedua-dua jenis aktiviti, iaitu aktiviti secara individu dan secara berkumpulan. Amalan yang tinggi ini jelas menunjukkan bahawa guru-guru sentiasa melibatkan diri dalam PPB, mempunyai komitmen yang tinggi, dan bersemangat untuk belajar. Kajian Mohd Izham et al. (2020) juga menunjukkan dapatan yang tinggi. Kajian tinjauan kuantitatif ini mengkaji hubungan antara amalan kelestarian sekolah oleh pentadbir dengan pembangunan kecekapan PPBG 302 orang guru di daerah Pasir Puteh, Kelantan. Dengan skor 4.40, dapatan tersebut menunjukkan bahawa pembangunan kecekapan PPBG guru berada pada tahap yang tinggi. Data ini menjelaskan bahawa guru-guru di daerah Pasir Puteh, Kelantan mengamalkan PPBG yang kukuh, yang menyumbang kepada tahap KPP yang tinggi. Oleh yang demikian, bagi mengekalkan tahap ini, guru-guru perlu sentiasa berusaha untuk meningkatkan diri melalui pembelajaran berterusan kerana aktiviti pembelajaran formal dan tidak formal ini amat penting bagi guru-guru untuk berkembang dalam pengetahuan dan profesionalisme (Rosnah et al., 2013).



Rajah 1. Aktiviti PPBG

Sumber: Pelan Pembangunan Profesionalisme Berterusan (2014)

2. Kualiti PdPc Guru

Dalam budaya global kita, guru yang cemerlang pasti akan melahirkan pelajar yang cemerlang (Rosnah et al., 2013). Guru merupakan penyumbang utama kepada prestasi sesebuah sekolah kerana mereka bekerjasama rapat dengan pelajar dalam melaksanakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran (Jaya & Hidayat, 2020; Wulandri & Supriyoko, 2022). Memandangkan mesin, radio, pita rakaman, atau bahkan komputer yang paling canggih tidak dapat menggantikan peranan guru, maka guru masih dianggap penting dalam PdPc dalam sistem pendidikan semasa (Jaya & Hidayat, 2020). Hasil pembelajaran pelajar dipengaruhi secara signifikan oleh keberkesanan guru dalam menyampaikan bahan pengajaran kepada mereka (Juliana, 2021). Oleh yang demikian, sukar untuk meniadakan bahawa kualiti guru memberi kesan yang besar kepada kualiti pendidikan secara keseluruhan.


Kualiti sekolah dan PdPc adalah dua komponen yang saling berkaitan dan penting (Rusmini, 2004). Sekolah, guru, dan pentadbir boleh dianggap cukup profesional (Jaya & Hidayat, 2020). Guru yang profesional haruslah menggunakan strategi pengajaran yang berkesan dengan mahir untuk meningkatkan hasil pembelajaran pelajar (Bahriadi et al., 2022). Jaya & Hidayat (2020) berpendapat bahawa peningkatan kualiti pedagogi guru perlu menjadi keutamaan yang berterusan yang berkaitan secara langsung dengan aspek pengurusan bilik darjah. Seorang guru yang mengutamakan kejayaan pelajar boleh menyumbang secara langsung kepada pendidikan berkualiti tinggi serta mengamalkan pengajaran yang cemerlang walaupun realitinya, proses pengajaran dan pembelajaran bukanlah satu pelaksanaan yang mudah (Abu Talib et al., 2024).

Dalam menyampaikan kemahiran pengajaran berkualiti tinggi, perancangan yang teliti diperlukan (Norazlin & Siti Rahaimah, 2019). Peranan penting guru semasa melaksanakan PdPc adalah mengutamakan perancangan dan persediaan yang rapi (Zulkifly et al., 2021). Bagi memastikan persediaan yang rapi, guru seharusnya telah merancang PdPc dengan merangka Rancangan Pengajaran Harian (RPH) termasuk objektif pembelajaran dan aktiviti sebelum PdPc dilaksanakan (Norazlin & Siti Rahaimah, 2019). Pelaksanaan PdPc tidak akan berjalan sebaik yang diharapkan sekiranya guru tidak merancang terlebih dahulu. Hasil pembelajaran murid mungkin terjejas akibat perancangan PdPc guru yang tidak mencukupi. Selain itu, hasil pembelajaran iaitu pengetahuan, kemahiran, dan amalan nilai pelajar sepanjang proses PdPc berfungsi sebagai pengukur keberkesanan perancangan PdPc (Rahman et al., 2019).

Fasa perancangan, pelaksanaan, dan pentaksiran dalam pelaksanaan PdPc dilaksanakan bagi memantau keberkesanan pengajaran seorang guru. PdPc harus dilaksanakan dengan jayanya menggunakan pelbagai sumber sokongan untuk menghasilkan PdPc yang lebih kreatif dan lebih baik selaras dengan perkembangan semasa (Chuah & Al Amin, 2022). Menurut Slavin (1987), empat faktor boleh digunakan untuk menilai kualiti pendidikan sesebuah sekolah: kualiti guru, skop kurikulum, ketersediaan insentif, dan masa yang mencukupi. Kesannya, keberkesanan pengajaran guru dalam memindahkan pengetahuan, kemahiran, dan membangunkan nilai dalam bilik darjah sangat bergantung pada tahap kualiti mereka (Ling & Norasmah, 2018). Kualiti pendidikan masih ditentukan oleh keupayaan guru untuk mengatur dan melaksanakan pengajaran dalam bilik darjah (Keller et al., 2017). Menurut Keller et al. (2017), kecekapan seorang guru mempengaruhi tindakan, tingkah laku, rancangan pengajaran, dan interaksi mereka dengan murid. Kesimpulannya, strategi pengajaran guru secara langsung mempengaruhi kualiti PdPc kerana strategi pengajaran guru adalah elemen utama yang mempengaruhi tahap pedagogi PdPc mereka.

Pada masa kini, guru mentaksir murid di dalam bilik darjah menggunakan pelbagai kaedah. Pentaksiran adalah penting dalam PdPc kerana ia merupakan proses berterusan yang mengumpul maklumat tentang prestasi pelajar untuk mengenal pasti kekuatan dan kelemahan (Naila et al., 2022). Setelah pentaksiran selesai, murid diberikan pelbagai latihan pengayaan dan pemulihan yang sesuai dan perlu untuk proses PdPc. Keseluruhan proses PdPc, yang merangkumi ketiga-tiga aspek yang telah dibincangkan, tidak akan menghasilkan pelaksanaan PdPc yang berjaya sekiranya salah satu daripada tiga komponen, perancangan, pelaksanaan, dan pentaksiran, tidak diberikan secara sama rata. Ketiga-tiga komponen ini membentuk PdPc berkualiti tinggi bagi seorang guru, yang boleh membantu kejayaan akademik murid dan kejayaan sekolah (Normiati & Abdul Said, 2019). Sebaliknya, guru berkualiti rendah mungkin memberi kesan memudaratkan terhadap prestasi jangka panjang murid (Feng & Sass, 2017). Hal ini demikian kerana kualiti pendidikan

dipengaruhi oleh amalan pedagogi guru dan persekitaran pembelajaran murid (Mustapha et al., 2020) Hakikatnya, kejayaan akademik pelajar amat dipengaruhi oleh kecekapan pedagogi guru mereka. Guru menjadi lebih mahir dalam memberikan pengajaran berkualiti tinggi di mana-mana peringkat pendidikan jika kualiti pengajaran mereka ditingkatkan secara konsisten (Mustapha et al., 2020; Wolde, 2021).




Rajah 2. Model Standard Kualiti Pendidikan Malaysia
Sumber: SKPM Kualiti@Sekolah (2022)

Metodologi

1.Reka Bentuk Kajian

Dalam setiap kajian, pemilihan reka bentuk penyelidikan yang sesuai bertujuan untuk menjelaskan proses, kaedah, pengukuran, dan analisis data bagi menerangkan strategi pengumpulan data yang digunakan, jenis sampel, dan isu-isu seperti kekangan kewangan dan had masa yang perlu ditangani (Saunders et al., 2019). Untuk menentukan reka bentuk kajian ini, penyelidik menggunakan model metodologi penyelidikan (seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 3), yang diperolehi daripada Saunders et al. (2019). Menurut Saunders et al. (2019), terdapat beberapa soalan asas yang perlu dijawab untuk menilai kebolehpercayaan kaedah analisis kajian dan strategi pengumpulan data. Setiap isu reka bentuk penyelidikan yang penting perlu ditangani secara berturutan, mengikut urutan yang ditetapkan oleh reka bentuk Penyelidikan Bawang (Saunders et al. 2019). Enam lapisan penting Penyelidikan Bawang (Saunders et al. 2019); falsafah, pendekatan pembangunan teori, pilihan metodologi, strategi, ufuk masa, dan strategi serta prosedur, membantu menjelaskan isu-isu ini.



Rajah 3. Model Penyelidikan Bawang
Sumber: Saunders et al. (2019)

Jadual 1. Ringkasan pemilihan reka bentuk kajian

Lapisan	Pemilihan
Falsafah	Positivisme
Pendekatan Pengembangan Teori	Deduktif
Pilihan Metodologi	Kaedah mono kuantitatif
Strategi	Kaedah tinjauan
Ufuk Masa	Keratan rentas
Teknik dan Prosedur	Soal selidik

Sumber: Saunders et. al. (2019)

2. Populasi dan Sampel

Populasi kajian rintis ini terdiri daripada guru-guru yang berkhidmat di sekolah-sekolah rendah di bawah kendalian Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak (JPNS). Jumlah keseluruhan responden adalah seramai 113 orang, yang mewakili saiz sampel. Angka ini adalah selaras dengan cadangan Cooper & Schindler (2011) yang menyatakan bahawa saiz sampel yang optimum untuk kajian rintis adalah antara 25 hingga 100 peserta.

3. Teknik persampelan

Dalam kajian ini, kaedah persampelan kluster telah dipilih sebagai pendekatan yang paling sesuai. Berdasarkan kaedah ini, rangka persampelan terdiri daripada senarai keseluruhan kluster, bukanlah senarai individu dalam populasi (Saunders et al., 2019). Bagi tujuan kajian ini, senarai kluster yang lengkap merujuk kepada 30 Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) di Sarawak. Pemilihan sekolah-sekolah dalam setiap kluster dilakukan secara rawak.

4. Instrumen

Instrumen yang digunakan untuk mengukur amalan PPBG dalam kajian ini mempunyai 25 item yang telah diadaptasi daripada Evers et al. (2015) dalam kajian yang dijalankan oleh Banu (2022). Manakala, bagi mengukur kualiti PdPc guru, pengkaji menggunakan instrumen Standard 4 (PdPc), Standard Kualiti Pendidikan Malaysia (SKPM) 2017, yang telah dinamakan semula sebagai SKPM Kualiti@Sekolah. Nilai kebolehpercayaan dalaman keseluruhan (Alpha Cronbach) bagi item-item asal kedua-dua instrumen ialah 0.97. Item-item juga diukur berdasarkan skala Likert tujuh mata bermula dari 'sangat tidak setuju' hingga 'sangat setuju'.

5. Pengumpulan Data

Pengumpulan data untuk kajian ini dijalankan secara dalam talian menggunakan aplikasi *Google Forms*. Sebelum kajian dijalankan, permohonan untuk menjalankan kajian telah dibuat kepada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak, Pejabat Pendidikan Daerah, dan guru besar sekolah rendah. Selepas menerima kelulusan dan persetujuan daripada guru besar, pautan *Google Forms* dihantar kepada sekolah-sekolah yang terlibat melalui e-mel dan aplikasi *WhatsApp*.

6. Penganalisan Data

Perisian *Statistical Package for Social Sciences* (SPSS) versi 29.0 telah digunakan untuk menganalisis data. Data kajian dianalisis dengan statistik deskriptif dan inferensi untuk mendapatkan nilai min, sisihan piawai, dan peratusan. Untuk mentafsir skor min purata, kategori nilai min yang digunakan dalam kajian ini telah diadaptasi daripada Fauzi et al. (2014) untuk menentukan tahap kekuatan min dalam kompetensi kepimpinan guru besar. Skor min purata ini sangat sesuai untuk tafsiran bagi skala selang tujuh mata dalam kajian ini. Pengkaji juga telah menggunakan Ujian Korelasi Pearson sebagai statistik inferensi bagi menentukan hubungan antara amalan PPBG dan kualiti PdPc guru. Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan interpretasi nilai pekali kolerasi oleh Cohen et al. (2011) seperti pada Jadual 3.

Jadual 2. Intepretasi skor purata min

Skor Purata Min	Tahap
1.00 – 1.99	Sangat Rendah
2.00 – 2.99	Rendah
3.00 – 3.99	Sederhana
4.00 – 4.99	Agak Tinggi
5.00 – 5.99	Tinggi
6.00 – 7.00	Sangat Tinggi

Sumber: Fauzi et al. (2014)

Jadual 3. Intepretasi nilai pekali kolerasi

Pekali Kolerasi, r	Tahap Hubungan
Lebih 1.00	Sangat Kuat
0.51 – 1.00	Kuat
0.21 – 0.50	Sederhana
0.01 – 0.20	Lemah

Sumber: Cohen et al. (2011)

Hasil Kajian

1. Profil Responden

Berikut adalah dapatan kajian rintis yang merangkumi analisis demografi dan analisis kebolehpercayaan. Merujuk kepada jadual 4, jumlah responden keseluruhan ialah 113 orang, di mana 29.2 peratus adalah guru lelaki dan 70.8 peratus adalah guru perempuan. Berdasarkan Jadual 4, sebahagian besar responden iaitu sebanyak 39.8% adalah berusia antara 30 hingga 39 tahun. Dari segi komposisi etnik, Bumiputera Sarawak mendominasi dengan 46%. Berkenaan pengalaman mengajar, 45.1% responden mempunyai pengalaman antara 11 hingga 20 tahun. Majoriti responden iaitu sebanyak 59.3% bertugas di sekolah bandar. Tahap pendidikan tertinggi menunjukkan 75.2% memiliki ijazah sarjana muda. Dalam konteks jawatan semasa, 62.8% responden merupakan ahli panitia mata pelajaran, dengan 61% berada pada gred jawatan DG44. Hampir keseluruhan responden iaitu sebanyak 92.9% pernah menghadiri kursus, latihan, atau bengkel untuk pembangunan profesionalisme. Sebanyak 31.9% telah menghadiri sekurang-kurangnya dua sesi kursus, latihan, atau bengkel. Akhir sekali, berdasarkan keputusan pencerapan PdPc, lebih separuh responden iaitu sebanyak 57.5% mencapai tahap cemerlang dalam prestasi pengajaran mereka.

Jadual 4. Maklumat demografi responden kajian rintis

Ciri-ciri	Profil	Kekerapan	Peratus
Jantina	Lelaki	33	29.2
	Perempuan	80	70.8
Umur	20 hingga 29 tahun	5	4.4
	30 hingga 39 tahun	45	39.8
	40 hingga 49 tahun	43	38.1
	50 tahun dan ke atas	20	17.7
Kaum	Melayu	34	30.1
	Cina	22	19.5
	Bumiputera Sarawak	52	46
	Bumiputera Sabah	5	4.4
Jumlah tahun pengalaman mengajar	1 hingga 5 tahun	10	8.8
	6 hingga 10 tahun	25	22.1
	11 hingga 20 tahun	51	45.1
	21 hingga 30 tahun	23	20.4

	31 tahun dan ke atas	4	3.5
Lokasi sekolah	Bandar	67	59.3
	Luar Bandar	46	40.7
Kelulusan akademik tertinggi	Sarjana	21	18.6
	Sarjana Muda	85	75.2
	Diploma	5	4.4
	Sijil	2	1.8
Jawatan semasa	Ketua Panitia	38	33.6
	Ahli Panitia	71	62.8
	Bukan Ahli Panitia	4	3.5
Gred jawatan semasa	DG48	14	12.4
	DG44	69	61
	DG42	3	2.7
	DG41	20	17.7
	DG38	2	1.8
	DG34	2	1.8
	DG32	3	2.7
Kehadiran Kursus/LDP	Pernah hadir	105	92.9
	Tidak pernah hadir	8	7.1
Kekerapan hadir	1 kali	16	14.2
	2 hingga 3 kali	36	31.9
	4 hingga 5 kali	23	20.4
	6 kali dan ke atas	30	26.5
	Tidak berkenaan	8	7.1
Keputusan pencerapan PdPc	Cemerlang	65	57.5
	Baik	46	40.7
	Sederhana	2	1.8

2. Tahap Amalan PPBG

Berdasarkan statistik deskriptif (Jadual 5) di bawah, tahap amalan PPBG adalah pada tahap yang tinggi ($\text{min}=5.71$, $\text{sp}=0.68$). Dimensi amalan PPBG yang sangat tinggi adalah tahap profesional ($\text{min}=5.76$, $\text{sp}=0.66$), diikuti dengan dimensi kolaborasi rakan ($\text{min}=5.72$, $\text{sp}=0.77$), dimensi kolaborasi sekolah ($\text{min}=5.71$, $\text{sp}=0.78$) dan dimensi percubaan dan dimensi refleksi dan maklum balas ($\text{min}=5.56$, $\text{sp}=0.82$). Dapatan ini menunjukkan bahawa amalan meningkatkan tahap profesional banyak dipraktikkan oleh guru berbanding dengan empat dimensi yang lain.

Jadual 5. Tahap amalan pembangunan profesionalisme berterusan guru mengikut dimensi

Dimensi	Min	SP	Interpretasi
Amalan PPBG	5.71	0.68	Tinggi
Tahap Profesional	5.76	0.66	Tinggi
Percubaan	5.56	0.82	Tinggi
Refleksi	5.56	0.82	Tinggi
Kolaborasi rakan	5.72	0.77	Tinggi
Kolaborasi sekolah	5.71	0.78	Tinggi

3. Tahap Kualiti PdPc Guru

Jadual 6 menunjukkan dapatan tahap kualiti PdPc guru sekolah rendah di Sarawak secara keseluruhannya adalah pada tahap sangat tinggi iaitu ($\text{min} = 6.08$; $\text{sp} = 0.55$). Dimensi pelaksanaan mencatat skor yang tertinggi iaitu ($\text{min} = 6.14$; $\text{sp} = 0.56$), seterusnya, dimensi perancangan yang juga sangat tinggi ($\text{min} = 6.09$; $\text{sp}=0.59$) diikuti dengan dimensi pentaksiran ($\text{min} = 5.92$; $\text{sp} = 0.63$). Dapatan ini jelas menunjukkan bahawa guru-guru di Sarawak amat komited dalam melaksanakan PdPc, merancang PdPc seterusnya melaksanakan pentaksiran PdPc pada akhir sesi pembelajaran.

Jadual 6. Tahap kualiti pembelajaran dan pemudahcaraan guru mengikut dimensi

Dimensi	Min	SP	Interpretasi
Kualiti PdPc Guru	6.08	0.55	Sangat Tinggi
Perancangan	6.09	0.59	Sangat Tinggi
Pelaksanaan	6.14	0.56	Sangat Tinggi
Pentaksiran	5.92	0.63	Tinggi

4. Hubungan Amalan PPBG dan Kualiti PdPc

Ujian Korelasi Pearson yang dijalankan menunjukkan terdapat hubungan positif yang signifikan bagi amalan PPBG dengan kualiti PdPc guru di Sarawak ($r=0.817$, $p<0.01$) sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 7. Menurut Cohen (2011), nilai korelasi antara 0.51 hingga 1.0 menunjukkan hubungan yang kuat. Oleh itu, terdapat hubungan yang kuat antara amalan PPBG dan kualiti PdPc guru. Memandangkan dapatan menunjukkan hubungan yang signifikan antara amalan PPBG dan kualiti PdPc guru, maka hipotesis diterima. Merujuk kepada Jadual 8 pula, didapati dimensi tahap profesional ($r=0.678$, $p<0.01$), dimensi percubaan ($r=0.717$, $p<0.01$), dimensi refleksi dan maklum balas ($r=0.717$, $p<0.01$), dimensi kolaborasi rakan ($r=0.775$, $p<0.01$) dan dimensi kolaborasi sekolah ($r=0.761$, $p<0.01$) menunjukkan hubungan positif yang signifikan dengan kualiti PdPc guru pada tahap yang kuat.

Jadual 7. Analisis kolerasi Pearson

		Amalan PPBG	Kualiti PdPc Guru
Amalan PPBG	Korelasi Pearson	1	.817
	Sig. (2-Tailed)		.001
	N	113	113

Jadual 8. Hubungan dimensi-dimensi amalan PPBG dengan kualiti PdPc guru

		Kualiti PdPc Guru
Tahap Profesional	Korelasi Pearson	.678
	Sig. (2-Tailed)	.001
	N	113
Percubaan	Korelasi Pearson	.717
	Sig. (2-Tailed)	.001
	N	113
Refleksi dan maklum balas	Korelasi Pearson	.717
	Sig. (2-Tailed)	.001
	N	113
Kolaborasi rakan	Korelasi Pearson	.775
	Sig. (2-Tailed)	.001
	N	113
Kolaborasi sekolah	Korelasi Pearson	.761
	Sig. (2-Tailed)	.001
	N	113

Perbincangan

Hasil kajian ini mendapati tahap amalan PPBG adalah tinggi. Dapatan ini menunjukkan guru-guru sekolah rendah di Sarawak melibatkan diri secara aktif dalam program pembangunan profesionalisme berterusan. Amalan PPBG yang tinggi mencerminkan komitmen guru untuk meningkatkan kualiti pengajaran dan sentiasa mengikuti perkembangan terkini dalam bidang pendidikan (Banu & Mua'azam, 2021). Dapatan kajian ini adalah selari dengan kajian Mohd Izham et al. (2020) yang membuktikan bahawa kompetensi guru dalam program pembangunan profesional berterusan juga pada tahap tinggi (4.40). Tahap tinggi amalan PPPB juga menunjukkan peranan penting pihak pengurusan sekolah dalam menyokong guru. Sokongan seperti menyediakan peluang latihan yang relevan dan memberi insentif kepada guru yang menunjukkan kemajuan menyumbang kepada kejayaan amalan PPBG (Saiful Adli et al., 2021).

Dapatan untuk kualiti PdPc guru pula menunjukkan tahap kualiti PdPc guru sekolah rendah di Sarawak adalah pada tahap yang sangat tinggi. Dapatan ini menunjukkan bahawa guru-guru sekolah rendah di Sarawak tidak hanya memenuhi standard minimum, tetapi juga mencapai tahap kecemerlangan dalam PdPC. Tahap kualiti PdPc yang sangat tinggi mencerminkan keberkesanan strategi pengajaran, pendekatan pedagogi yang inovatif, dan komitmen guru terhadap kejayaan pelajar. Dapatan ini turut disokong oleh Juliana (2021) yang mendapati dua aspek dalam kualiti PdPc guru iaitu pelaksanaan PdPc dan pentaksiran PdPc adalah pada tahap tinggi (3.94; 4.08). Secara keseluruhannya, tahap kualiti PdPc yang sangat tinggi menunjukkan bahawa guru-guru mempunyai keupayaan dan komitmen yang tinggi untuk memastikan kejayaan pelajar (Anuar & Nelson, 2015).

Kajian ini menunjukkan hubungan yang kuat dan signifikan antara amalan PPBG dan kualiti PdPc Guru. Korelasi Pearson yang tinggi (0.817) dengan nilai signifikan 0.001 menunjukkan hubungan yang kukuh pada tahap 0.01. Kajian oleh Latipah et al. (2020) menyokong dapatan ini di mana analisis regresi menunjukkan profesionalisme secara signifikan telah menjelaskan sebanyak 42.7% (.427) daripada varians dalam kualiti guru. Justeru itu, kajian ini menyimpulkan bahawa aspek profesionalisme guru merupakan salah satu indikator penting dalam memacu keberkesanan penyampaian ilmu pengetahuan seterusnya menyumbang terhadap kualiti pengajaran guru. Dapatan ini memberi impak penting kepada sistem pendidikan negara dan pengurusan sekolah yang efektif. Hasil kajian ini menekankan kepentingan pembangunan profesional yang berterusan, penggunaan teknologi dalam pengajaran, sokongan dari pihak pengurusan sekolah, dan budaya sekolah yang kondusif dalam mencapai kualiti PdPc yang sangat tinggi.

Walau bagaimanapun, implikasi dapatan kajian ini perlu diperhalusi dalam konteks yang lebih luas, terutamanya dalam aplikasi kepada negeri-negeri lain di Malaysia serta di peringkat global. Dapatan yang menunjukkan amalan PPBG yang tinggi dan kualiti PdPc yang sangat baik di Sarawak memberikan gambaran yang positif terhadap pembangunan profesionalisme guru. Namun, persoalan timbul mengenai sejauh mana dapatan ini boleh diadaptasi di negeri-negeri lain yang mungkin mempunyai konteks pendidikan yang berbeza. Sebagai contoh, di negeri-negeri yang mempunyai tahap sosio-ekonomi yang lebih rendah atau akses kepada sumber pendidikan yang terhad, pengaplikasian amalan PPBG mungkin menghadapi pelbagai cabaran. Perbezaan dalam infrastruktur sekolah, peruntukan kewangan, dan kebolehcapaian kepada teknologi pendidikan boleh menjadi kekangan yang membatasi keberkesanan program pembangunan profesional seperti yang ditunjukkan di Sarawak.

Di peringkat global, aplikasi dapatan kajian ini juga berhadapan dengan cabaran dari segi perbezaan sistem pendidikan dan budaya kerja guru. Negara-negara yang mempunyai struktur kurikulum dan sistem pentadbiran pendidikan yang berbeza mungkin tidak dapat menerapkan amalan PPBG dan strategi PdPc dengan cara yang sama. Sebagai contoh, di negara-negara yang kurang memberikan penekanan kepada pembangunan profesional berterusan, sokongan terhadap guru mungkin tidak mencukupi seperti mana keberkesanan seperti yang ditunjukkan di Sarawak. Selain itu, tahap autonomi guru dalam proses PdPc mungkin berbeza di negara lain, yang mana ini mempengaruhi cara mereka terlibat dalam pembangunan profesional. Oleh itu, kajian lanjutan perlu mempertimbangkan faktor-faktor konteks ini dalam meneroka bagaimana amalan PPBG dapat diadaptasi dalam pelbagai latar belakang pendidikan.

Tambahan pula, cabaran dari segi kekangan masa dan beban kerja guru juga perlu diambil kira. Di beberapa kawasan, beban kerja yang tinggi mungkin menghalang guru daripada menyertai program pembangunan profesional yang intensif, walaupun program tersebut telah dibuktikan berkesan dalam meningkatkan kualiti PdPc. Oleh itu, strategi untuk mengurangkan kekangan ini perlu dipertimbangkan bagi memastikan dapatan kajian ini dapat diaplikasikan secara menyeluruh. Perbincangan mengenai potensi halangan dan cabaran ini akan menambah dimensi kritis kepada kajian, seterusnya memberikan panduan yang lebih holistik kepada penggubal dasar dan pihak sekolah dalam merangka strategi yang lebih bersesuaian dengan konteks mereka.

Kesimpulan

Dapatan kajian ini telah membuktikan bahawa amalan PPBG dipraktikkan dengan aktif di sekolah rendah di Sarawak. Dari segi dasar, kajian ini menunjukkan perlunya penekanan pada penilaian prestasi yang adil dan

menyeluruh. Dasar-dasar harus menyokong perkembangan profesional guru dan membantu kemajuan kerjaya mereka. Walau bagaimanapun, penambahbaikan amalan ini perlu diteruskan ke arah yang lebih tinggi, yang seterusnya akan meningkatkan tahap kualiti PdPc guru. Berdasarkan dapatan kajian ini, diharapkan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dapat merancang program PPBG dengan lebih berkesan untuk menarik penglibatan guru dan mengukuhkan lagi program sedia ada. Ini bertujuan untuk memastikan keterlibatan pemimpin dalam menyeimbangkan amalan PPBG dan impaknya kepada kualiti PdPc guru. Akhir sekali, hasil kajian ini boleh dijadikan asas oleh KPM, Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dalam memantapkan latihan profesionalisme dan program peningkatan diri untuk para guru.

Dapatan ini juga boleh digunakan untuk menyediakan platform kepada guru dari semasa ke semasa bagi meningkatkan tahap profesionalisme mereka. Berdasarkan hasil kajian ini juga, beberapa cadangan diutarakan untuk penyelidik masa hadapan untuk meningkatkan lagi skop kajian mengenai hubungan antara amalan PPBG dan kualiti PdPc guru. Kajian ini hanya tertumpu kepada guru sekolah rendah di Sarawak. Oleh itu, penyelidik masa hadapan boleh memperluaskan kajian sekolah menengah bagi melihat hubungan yang sama. Hal ini demikian agar perbandingan tahap dimensi amalan PPBG serta tahap kualiti PdPc guru di kedua-dua peringkat persekolahan dapat dianalisis. Dicadangkan juga agar kajian akan datang menggunakan metodologi campuran (*mixed methods*), kajian longitud atau menggunakan kajian kualitatif bagi mendapatkan hasil yang lebih mendalam. Selain itu, kajian juga boleh diperluaskan ke negeri-negeri lain di Malaysia untuk mendapatkan gambaran yang lebih menyeluruh.

Rumusannya, kajian ini menekankan pentingnya PPBG dalam meningkatkan Kualiti PdPc guru. Pengurusan sekolah perlu memastikan PPBG dilaksanakan dengan berkesan dan konsisten, termasuk menyediakan latihan dan sokongan yang mencukupi kepada guru. PPBG yang menyeluruh perlu diperkukuhkan untuk meningkatkan mutu pendidikan di sekolah. Pihak berkuasa pendidikan, pengurusan sekolah, dan guru perlu bekerjasama untuk melaksanakan amalan ini dengan berkesan demi mencapai matlamat pendidikan yang lebih tinggi.

Penghargaan: Sokongan kewangan daripada Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Kementerian Pendidikan (KPM.BT.700-30/22/33 (5)) amat dihargai. Selain itu, penyelidikan ini mungkin merupakan kajian lanjutan daripada penyelidikan tahun sebelumnya. Atas sebab ini, penyelidik ingin mengucapkan terima kasih atas sokongan yang diberikan oleh institusi-institusi dan mana-mana pihak yang berkaitan yang telah membantu dalam pelaksanaan penyelidikan ini dengan lancar.

Konflik Kepentingan: Tiada konflik kepentingan

Rujukan

- Abu Talib, S., Mohamad Nasri, N., & Mahmud, M. S. (2024). Transformasi Ke Arah Profesionalisme: Kesiediaan Guru Matematik dalam Menghadapi Cabaran Pendidikan. *E-Bangi: Journal of Social Science and Humanities*, 21(3). <https://doi.org/10.17576/ebangi.2024.2103.09>
- Anggraeni, A. A. F., & Rachmajanti, S. (2021). The Needs of Continuous Professional Development Perceived by Novice and Experienced Teachers. *Jurnal Pendidikan: Teori, Penelitian, Dan Pengembangan*, 5(11). <https://doi.org/10.17977/jptpp.v5i11.14190>
- Anuar, A., & Nelson, J. (2015). Pengaruh Kompetensi Kemahiran Guru dalam Pengajaran Terhadap Pencapaian Akademik Pelajar dalam Mata Pelajaran Sejarah. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 3(2), 1–15.
- Avalos, B. (2011). Teacher professional development in Teaching and Teacher Education over ten years. *Teaching and Teacher Education*, 27(1), 10–20. <https://doi.org/10.1016/J.TATE.2010.08.007>
- Bahagian Pendidikan Guru. (2016). *Dokumen Awal Pelan Induk Pembangunan Profesionalisme Keguruan*. www.moe.gov.my

- Bahriadi, B., Suriansyah, A., & Sulaiman, S. (2022). Continuous Professional Development Model to Improve Teacher Professional Competence. *International Journal of Social Science And Human Research*, 05(12). <https://doi.org/10.47191/ijsshr/v5-i12-89>
- Banu, R. (2022). *Pengaruh Kesiapan Perubahan Sebagai Mediator Terhadap Hubungan antara Amalan Pembangunan Profesionalisme Berterusan dengan Kompetensi Guru Sekolah di Malaysia* [Tesis Dr. Falsafah]. Fakulti Pendidikan, Universiti Utara Malaysia.
- Banu, R., & Mua'azam, M. (2021). How Does Teacher Continues Professional Development Practices Help Teachers to Become Competent? Validating Models: A Structural Equation Modeling Approach. *Journal of Physics: Conference Series*, 1793(1). <https://doi.org/10.1088/1742-6596/1793/1/012003>
- Baumert, J., Kunter, M., Blum, W., Brunner, M., Voss, T., Jordan, A., Klusmann, U., Krauss, S., Neubrand, M., & Tsai, Y. M. (2010). Teachers' Mathematical Knowledge, Cognitive Activation in the Classroom, and Student Progress. *American Educational Research Journal*, 47(1), 133–180. <https://doi.org/10.3102/0002831209345157>
- Bity Salwana, A., Zamri, M., & Anita, A. R. (2020). *Sistem Pendidikan di Malaysia: Sejarah dan Cabaran Abad Ke-21*. Ta
- Chuah, S. M., & Al Amin, M. (2022). Pengaruh Amalan Penyeliaan Terhadap Pengajaran Kreatif Guru. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 9(2), 1–11.
- Cohen, L., Manion, L., & Morrison, K. (2011). *Research methods in education* (7th ed.). Routledge.
- Cooper, D. , & Schindler, P. (2011). *Business Research Methods* (11th ed.). McGraw Hill.
- Darling-Hammond, L., Hyler, M. E., & Gardner, M. (2017). *Effective Teacher Professional Development*. Learning Policy Institute.
- Desimone, L. M. (2009). Improving impact studies of teachers' professional development: Toward better conceptualizations and measures. *Educational Researcher*, 38(3), 181–199. <https://doi.org/10.3102/0013189X08331140>
- Easton, L. B. (2008). From Professional Development To Professional Learning. *Phi Delta Kappan*, 89(10), 755–761.
- Evers, A. T., Kreijns, K., & Van der Heijden, B. I. J. M. (2015). The Design and Validation of an Instrument to Measure Teachers' Professional Development at Work. *Studies in Continuing Education*, 38(2), 162–178. <https://doi.org/10.1080/0158037X.2015.1055465>
- Fauzi, H., Jamal, A., & Mohd Saifoul, Z. N. (2014). *Kaedah Penyelidikan & Analisis Data SPSS*. UUM Press.
- Feng, L., & Sass, T. R. (2017). Teacher quality and teacher mobility. *Education Finance and Policy*, 12(3). https://doi.org/10.1162/EDFP_a_00214
- Jamilah, S. (2022). *Pengaruh Pembangunan Profesionalisme Berterusan Sebagai Mediator Terhadap Hubungan Antara Kompetensi Profesional Guru dan Kemahiran Abad ke-21 Guru Sekolah Menengah TS25* [Tesis Dr. Falsafah]. Universiti Utara Malaysia.
- Jaya, W. S., & Hidayat, N. (2020). The Relationship of School Leadership and Teacher Attitudes towards Teacher Professional Competency. *International Journal of Multicultural and Multireligious Understanding*, 7(10), 503–509. <https://doi.org/http://dx.doi.org/10.18415/ijmmu.v7i10.2107>
- Juliana, J. G. (2021). *Kepimpinan Instruksional Guru Besar dan Impaknya terhadap Prestasi Kerja Guru dan Kemenjadian Murid di Sarawak* [Tesis Dr. Fal]. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Keller, M. M., Neumann, K., & Fischer, H. E. (2017). The impact of physics teachers' pedagogical content knowledge and motivation on students' achievement and interest. *Journal of Research in Science Teaching*, 54(5), 586–614. <https://doi.org/10.1002/tea.21378>
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*.
- Kennedy, M. M. (2016). How Does Professional Development Improve Teaching? <Http://Dx.Doi.Org/10.3102/0034654315626800>, 86(4), 945–980. <https://doi.org/10.3102/0034654315626800>
- Latipah, S., Salim, L., Khairuddin Abdullah, M., & dan Pengaruhnya Terhadap Kualiti Pengajaran Guru Bahasa Melayu Tahap Satu Luar, P. (2020). Profesionalisme dan Pengaruhnya terhadap Kualiti

- Pengajaran Guru Bahasa Melayu Tahap Satu Luar Bandar. *Bandar. International Journal of Education*, 5(37), 318–330. <https://doi.org/10.35631/IJEPC.5370026>
- Ling, C. J., & Norasmah, O. (2018). Amalan Penyeliaan dan Hubungannya Dalam Meningkatkan Kualiti Pengajaran Guru. *International Journal of Education, Psychology and Counselling*, 3(22), 28–48. www.xxxx.com
- Mahmud, S. N. D., Nasri, N. M., Samsudin, M. A., & Halim, L. (2018). Science teacher education in Malaysia: Challenges and way forward. *Asia-Pacific Science Education*, 4(1), 1–12. <https://doi.org/10.1186/s41029-018-0026-3>
- Mohd Fadzil, J., & Mohd Izham, M. H. (2019). The Effects of Distributed Leadership on Teachers' Collective Efficacy and Professional Learning Community. *International Journal of Educational Best Practices*, 3(2), 10–27. <https://doi.org/10.31258/ijeip.v3n2.p10-27>
- Mohd Izham, M. H., Nur Syafiqah Alias, & Bity Salwana, A. (2020). Amalan Kepimpinan Lestari Pentadbir Sekolah dan Hubungannya dengan Pembangunan Kompetensi Profesionalisme Berterusan Guru. *Jurnal Pengurusan Dan Kepimpinan Pendidikan*, 69–79.
- Mohd Tahir, L., Berhandden Musah, M., Ali, M. F., Abdullah, A. H., & Hamzah, M. H. (2023). Principals' Views on Continuing Professional Development Programmes: Evidence from Malaysia. *Educational Management Administration and Leadership*, 51(2), 440–480. <https://doi.org/10.1177/1741143221988953>
- Mokhele, M. L. (2015). Professional Development as a Personal Transformation: Teacher's New Perspectives. *E-Bangi: Journal of Social Science and Humanities*, 10(2), 1823–1884.
- Munir, F., Jabeen, S., & Nader, M. (2021). Continuous Professional Development: Performance of Primary School Teachers. *Pakistan Social Sciences Review*, 5(1), 637–649. [https://doi.org/10.35484/pssr.2021\(5-i\)48](https://doi.org/10.35484/pssr.2021(5-i)48)
- Mustapha, A., Mohammed Goni, T., & Bashehu, S. (2020). Impact of Teacher's Quality on Academic Performance of Students in Public Senior Secondary Schools in Maiduguri Metropolis, Borno State, Nigeria. *Asian Journal of Education and Social Studies*, 11(3), 18–24. <https://doi.org/10.9734/ajess/2020/v11i330292>
- Naila, Zarina Waheed, & Ruqia Mirwan. (2022). Continuous Professional Development and Its Impacts on Teachers' Pedagogy. *Pakistan Journal of Educational Research*, 5(2). <https://doi.org/10.52337/pjer.v5i2.528>
- Norazlin, M. R., & Siti Rahaimah, A. (2019). Amalan dan Cabaran Pelaksanaan Pembelajaran Abad Ke-21. In F. Syahrul, S. O. Syed Hadzrullathfi, A. Nabihah, & M. Rabiatal Manisah (Eds.), *Proceeding of the International Conference on Islamic Civilization and Technology Management* (pp. 87–105). Research Institute for Islamic Product and Malay Civilization (INSPIRE) Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) e-ISBN 978-967-2231-26-4.
- Normiati, B., & Abdul Said, A. (2019). Pengaruh Pengajaran Guru Terhadap Kualiti Pengajaran Guru. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 4(2), 30. www.msocsciences.com
- Pribudhiana, R., Bin Don, Y., & Bin Yusof, M. R. (2021). Determining the Influence of Teacher Quality Toward Teacher Readiness in Implementing Indonesian Education Policy. *Eurasian Journal of Educational Research*, 2021(93), 373–390. <https://doi.org/10.14689/EJER.2021.93.18>
- Rahman, A. A., Zulkifli, S., Hashimee, M., Wazir, A., & Sayed, M. (2019). Tahap Kompetensi Guru bahasa Arab di SABK di Malaysia: Satu Dimensi. *E-Bangi Journal of Social Science and Humanities*, 16(2), 1823–1884.
- Rodriguez, M. R. G. (2021). Technology Leadership: Assessing the Competency Level of High School Administrators and Teachers in the Use of ICTs. *Journal of Educational Management & Social Sciences*, 1(1). <https://doi.org/10.48112/jemss.v1i1.227>
- Rosnah, I., Muhammad Faizal, A. G., & Saedah, S. (2013). Amalan Pembelajaran dalam Kalangan Guru Sekolah Berprestasi Tinggi. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 1(2), 52–60.

- Rusmini, K. A. (2004). Keberkesanan Sekolah: Satu Tinjauan dari Aspek Kepimpinan, Kompetensi Guru dan Amalan Pengurusan terbaik. *Seminar Nasional Pengurusan Dan Kepimpinan Pendidikan Ke-12*, 302–311.
- Saiful Adli, A. R., Muhammad Faizal, A. G., Harris Shah, Abd. H., Norhaida, S., & Zawawi, I. (2021). Cabaran Pelaksanaan Program Pembangunan Profesionalisme Pemimpin Guru Sekolah Berprestasi Tinggi. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 8(2), 25–40.
- Saunders, M. N. K., Lewis, P., & Thornhill, A. (2019). *Research Methods for Business Students* (8th Edition). Oearson. www.pearson.com/uk
- Slavin, R. E. (1987). A Theory of School and Classroom Organization. *Educational Psychologist*, 22(2), 89–108. https://doi.org/10.1207/s15326985ep2202_1
- Syafril, S., Rahayu, T., Al-Munawwarah, S. F., Satar, I., Halim, L. B., Yaumas, N. E., & Pahrudin, A. (2021). Mini Review: Improving Teachers' Quality in STEM-based Science Teaching-learning in Secondary School. *IOP Conference Series: Earth and Environmental Science*, 1796(1), 1–12. <https://doi.org/10.1088/1742-6596/1796/1/012072>
- Tyagi, C., & Misra, P. K. (2021). Continuing Professional Development of Teacher Educators: Challenges and Initiatives. *Shanlax International Journal of Education*, 9(2), 117–126. <https://doi.org/10.34293/education.v9i2.3634>
- Wolde, B. D. (2021). The role of continuous professional development in improving secondary school teachers' teaching and learning competencies to deliver quality education in Ethiopia: A case of secondary school. *Qualitative Report*, 26(5). <https://doi.org/10.46743/2160-3715/2021.3650>
- Wulandri, S., & Supriyoko, S. (2022). Implementasi Pelaksanaan Program Pengembangan Keprofesian Berkelanjutan (PKB) Bagi Guru Sekolah Dasar. *Media Manajemen Pendidikan*, 5(1), 1–12.
- Zulkifly, M. A., Rahimah, E., & Huda Afiqah, H. (2021). Perancangan Pengajaran Guru dalam Pembelajaran dan Pemudahcaraan: Satu Kajian Rintis. *Asian Journal of Civilizational Studies (AJOCS)*, 3(1), 11–18. <http://ajocs.com>